

Persepuluhan dan Sumbangan Puasa



*“Bawalah seluruh persepuluhan
dan persembahan ke RumahKu,
. . . Ujilah Aku, maka kamu
akan nampak Aku membuka
tingkap-tingkap syurga
dan melimpahi kamu dengan
segala yang baik.”*

(Maleakhi 3:10)

Bapa Syurgawi anda menyayangi anda dan ingin memberkat anda dalam segala aspek hidup anda. Perintah-perintah yang Dia beri melalui para nabiNya akan membantu anda untuk hidup dengan gembira. Perintah untuk membayar persepuluhan, yang sudah dipulihkan melalui Nabi Joseph Smith, memberikan anda satu peluang untuk mengambil bahagian dalam pembinaan kerajaan Tuhan pada bumi ini. Kepatuhan kepada perintah ini diperlukan demi pembaptisan ke dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Berkat-berkat yang besar dijanjikan kepada mereka yang mematuhi perintah untuk membayar persepuluhan.

Apakah Itu Persepuluhan?

Persepuluhan adalah dermaan sepersepuluh dari pendapatan seseorang kepada Gereja Tuhan. Perintah ini sudah dikenali semenjak masa Perjanjian Lama. Nabi Maleakhi mengajar tentang kepentingan persepuluhan dan berkat-berkat yang datang dari mematuhi undang-undang ini:

“Bawalah seluruh persepuluhan dan persembahan ke RumahKu, . . .Ujilah Aku, maka kamu akan nampak Aku membuka tingkap-tingkap syurga dan melimpahi kamu dengan segala yang baik.” (Maleakhi 3:10).

Pada tahun 1838, Tuhan mengulangi perintah ini melalui Nabi Joseph Smith:

“UmatKu . . . akan membayar sepersepuluh dari seluruh penghasilan tahunan mereka; dan ini akan menjadi sebuah hukum tetap bagi mereka selama-lamanya” (Ajaran dan Perjanjian 119:3–4). *Faedah* dikira sebagai pendapatan.

Persepuluhan anda adalah kudus kepada Tuhan, dan anda menghormatiNya dengan membayar persepuluhan. Pembayaran persepuluhan adalah pertunjukan iman anda terhadap Tuhan dan kerjaNya.

Mengapa Saya Harus Membayar Persepuluhan?

Segala perkara yang baik dalam hidup anda adalah kurnia dari Bapa Syurgawi anda yang seorang penyayang. Bila anda menyumbangkan 10 peratus kepada Dia, anda tunjukkan kasih sayang anda, iman anda, dan kesyukuran anda. Anda menunjuk kepada Tuhan bahawa anda akan ikut Dia walaupun dalam kesusahannya; anda menunjuk Dia bahawa anda akan bergantung kepadaNya dan tidak mempercayai dalam perihal kewangan atau perihal kebendaan. Kerana iman anda, Bapa Syurgawi anda janjikan anda berkat-berkat yang lebih besar dari segala yang anda korbankan.

Walaupun ada orang yang sukar untuk mempercayai bahawa mereka berupaya untuk membayar sepersepuluh dari pendapatan mereka, pembayar persepuluhan yang beriman belajar bahawa mereka tidak mampu untuk tidak





membayar persepuluhan. Dalam satu cara yang benar dan ajaib, tingkap-tingkap syurga dibuka, dan berkat-berkat dilimpah ke atas mereka. Seorang ibu balu menjelas kepada anaknya, “Saya tidak berupaya [untuk membesarkan anda semua kanak-kanak] tanpa berkat-berkat Tuhan, dan saya peroleh berkat-berkat itu dengan membayar persepuluhan yang jujur. Bila saya bayar persepuluhan, saya memperolehi janji Tuhan bahawa Dia akan memberkat kita, dan kita mesti memperolehi berkat-berkat itu jika kita ingin terus hidup” (Dallin H. Oaks, *Ensign*, Mei 1994, 33).

Kekuatan rohani datang dari bergantung pada Tuhan. Bila kita menghadapi cubaan hidup yang serius, kita perlukan iman, ilham, dan keberanian yang lebih besar. Berkat-berkat ini boleh dicurah dari tingkap-tingkap syurga sebagai hasil kepatuhan undang persepuluhan.

Selain itu, banyak orang mendapati bahawa kerana mereka pembayar persepuluhan yang beriman mereka lebih berupaya untuk mengendalikan perihal kewangan mereka dan dapat memenuhi keperluan mereka. Membayar persepuluhan mengajar kita untuk mengawal keinginan kita terhadap perihal kebendaan dan untuk menjadi jujur dengan saudara-saudari kita. Kita belajar untuk mempercayai bahawa perkara yang sudah

Pembayaran persepuluhan menunjukkan iman anda dalam Yesus Kristus. Bila anda bergantung pada Dia, anda akan menerima kekuatan, bimbingan, dan sokongan yang anda perlukan dalam hidup anda.



diberikan kepada kita, melalui berkat-berkat Tuhan dan usaha tekunan kita sendiri, adalah cukup demi keperluan kita.

Betapa besar atau kecil pendapatan anda, anda akan diberkat bila anda membayar persepuluhan. Bila Yesus menampak seorang wanita memasukkan duit syilingnya ke dalam peti persembahan, Dia memberitahu para pengikutNya, “Balu yang miskin ini memberikan persembahan yang lebih besar nilainya daripada semua orang lain. Semua orang lain memberikan persembahan daripada kelebihan kekayaan mereka, tetapi balu ini . . . memberikan segala yang ada padanya” (Markus 12:43–44).

Bagaimana Wang Persepuluhan Digunakan?

Persepuluhan adalah undang kewangan Tuhan bagi GerejaNya. Dermaan persepuluhan selalunya digunakan demi tujuan Tuhan, yang diwahyukanNya melalui satu majlis hamba-hambaNya. Beberapa contoh kegunaan wang ini adalah:

- Membina dan menjaga bait-bait suci, gereja, dan bangunan-bangunan Gereja lain.
- Menyokong aktiviti-aktiviti dan operasi jemaah Gereja tempatan.
- Menyokong program-program Gereja, termasuk pendidikan dan penyelidikan sejarah keluarga.

Persepuluhan dibayar secara sulit, dan informasi tentang dermaan disimpan secara sulit.



Puasa dan Sumbangan Puasa

Selain daripada membayar persepuluhan, kita juga diperintah untuk memberikan wang kita untuk membantu yang miskin dan yang berkeperluan. Satu cara untuk melakukan demikian adalah dengan berpuasa dan hidup tanpa makanan dan minuman untuk dua makan berturutan. Tuhan memulihkan asas puasa melalui Nabi Joseph Smith, dan Gereja memilih satu hari Ahad setiap bulan sebagai hari untuk berpuasa. Berpuasa, tanda satu gereja yang benar, adalah satu peluang demi pembaharuan rohani dan bertambah dekat kepada Bapa Syurgawi kita.

Sebagai sebahagian puasa, para ahli Gereja memberikan satu sumbangan yang murah hati demi penjagaan orang yang miskin dan yang berkeperluan. Sumbangan ini harus bernilai sekurang-kurangnya dua waktu makan ahli Gereja itu bila berpuasa. Wang ini digunakan untuk membekalkan makanan, tempat perlindungan, dan keperluan lain kepada orang yang perlukanya, mahupun tempatan atau di seluruh dunia.

Tidak ada satu taraf dermaan untuk sumbangan puasa. Bila anda menyumbang dengan murah hati kepada tabung ini, anda akan diberkat secara rohani dan secara jasmani demi keingingan anda untuk menolong orang lain.



2287401182 428126785 16-28 2228

82120827

30 x 16

China 87-1316

9490-1316



PEMBELAJARAN TAMBAHAN

Soalan-soalan dan ayat-ayat suci berikut akan membantu anda untuk merenungkan prinsip-prinsip dalam risalah ini dengan lebih lanjutnya. Nota kaki dan rujukan silang dalam kitab-kitab suci akan mengarahkan anda kepada petikan-petikan dan sumber-sumber tambahan tentang prinsip-prinsip ini.

Mengapa persepuluhan penting?

Imamat 27:30 (Alkitab, Perjanjian Lama)

Lukas 12:16–21 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Berkat-berkat apakah datang dari pembayaran persepuluhan?

Maleakhi 3:8–12 (Alkitab, Perjanjian Baru; juga lihat 3 Nefi 24:8–12, Kitab Mormon, muka surat 698)

Matius 6:31–33 (Alkitab, Perjanjian Baru; juga lihat 3 Nefi 13:31–33, Kitab Mormon, muka surat 667)

“Tithing,” *True to the Faith* (Para mubaligh atau seorang ahli Gereja boleh membantu anda untuk memperolehi satu salinan buku ini. Anda juga boleh mendapatinya pada laman www.mormon.org.)


Bagaimana saya boleh menolong mereka yang miskin dan berkeperluan?

Yesaya 58:6–7 (Alkitab, Perjanjian Lama)

Matius 19:21 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Mosia 4:26 (Kitab Mormon, muka surat 232)

Apa Yang Harus Saya Lakukan?



- Terus Membaca Kitab Mormon

Cadangan pembacaan: _____

- Mula membayar persepuluhan yang penuh. Doa demi bantuan untuk mematuhi perintah ini.
- Menghadiri gereja hari Ahad ini.
- Terus bersedia untuk pembaptisan.

Tarikh pembaptisan: _____

- Lawati www.mormon.org untuk mempelajari dengan lebih lanjutnya tentang Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.
- Terus bertemu dengan para mubaligh untuk belajar dengan lebih lanjutnya tentang bagaimana perintah-perintah Tuhan boleh memberkati hidup anda.

Temu janji seterusnya: _____

Nama dan nombor telefon para mubaligh:

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

www.mormon.org

Kredit Imej

Muka hadapan, perincian dari *Kristus dan Pemerintah Muda yang Kaya*, oleh Heinrich Hofmann, Courtesy C. Harrison Conroy Co., Inc.

Muka surat 8 perincian dari *Semua Yang Dia Miliki*, oleh Simon Dewey. © Simon Dewey

Muka surat 5 Hyun-Gyu Lee. © Hyun-Gyu Lee

Muka surat 13 Wei-Siang Wang. © Wei-Siang Wang.

© 2007 by Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Dicetak di America Syarikat. Kelulusan bahasa Inggeris: 2/06. Kelulusan Penterjemahan: 8/11. Penterjemahan *Tithing and Fast Offerings*. Malay 01143 348

MALAY



01143 348